

MAJLIS PENUTUP MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2012
28/04/2012

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Musa bin Haji Aman, Ketua Menteri Sabah, dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Faridah binti Haji Tussin;

Yang Amat Berbahagia Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), dan

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Sagiyah binti Salikin;

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman,

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, dan Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Rohani Mohamad;

Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;

Ahli-ahli Lembaga Pengarah PNB;

Pengerusi-pengerusi, Pengarah-pengarah Urusan dan Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat-syarikat Kumpulan PNB;

YBhg Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri; Datuk-Datuk dan Datin-Datin;

Wakil-wakil agensi Kerajaan dan swasta;

Pihak media massa; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Satu Malaysia.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurniaNya kita dapat berkumpul di Dewan Serbaguna ini bagi Majlis Penutup Minggu Saham Amanah Malaysia 2012. Saya mengucapkan terima kasih kepada Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan Kerajaan Negeri Sabah yang telah sudi menjemput saya untuk hadir ke Majlis ini. Tahniah kepada PNB dan Kerajaan Negeri Sabah kerana telah dapat menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) siri ketiga belas ini dengan lancarnya.

2. Hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju, bersatu, berdikari, progresif dan makmur menjelang tahun 2020, telah diilhamkan sejak 1990. Dan kita semua tahu, sepanjang dua dekad yang lepas, negara telah dilanda dengan pelbagai dugaan dan cabaran, dari segi ekonomi mahupun sosio-politik. Di masa yang sama, dunia juga telah mengalami satu fenomena, di mana globalisasi dan liberalisasi perdagangan serta ledakan teknologi, komunikasi dan maklumat telah menyebabkan persaingan untuk modal dan pasaran menjadi lebih sengit.

3. Namun begitu, petunjuk-petunjuk dan data ekonomi terkini memberikan kita harapan yang

cerah bahawa segala program yang telah dirancang oleh pihak Kerajaan akan dapat dilaksanakan dengan baik. Dengan prestasi pasaran saham, angka-angka pengeluaran, permintaan dan eksport, pelaburan sektor swasta yang cukup memberangsangkan, saya yakin negara masih berada di landasan yang kukuh untuk menuju ke arah negara berpendapatan tinggi.

Tuan tuan dan Puan-Puan,

4. Apabila pendapatan rakyat semakin meningkat, adalah wajar lebih pendapatan tersebut disimpan ataupun dilaburkan untuk masa depan. Dalam konteks ini, saya percaya PNB boleh memainkan peranan yang lebih besar bagi membantu rakyat menyediakan pelan atau pun skim-skim pelaburan yang lebih menarik bagi tujuan persaraan, perumahan, pendidikan dan kesihatan sebagai alternatif kepada kemudahan yang disediakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ini adalah selari dengan aspirasi sebuah negara maju di mana rakyatnya mampu menikmati usia persaraan yang lebih terjamin dan selesa.

5. Menurut statistik daripada KWSP, terdapat sebahagian besar pesara yang menghabiskan simpanan KWSP mereka hanya dalam masa tiga hingga lima tahun daripada tempoh persaraan. Dalam masa yang sama dengan perubahan demografi sebagai sebuah negara yang pesat membangun, kadar purata jangka hayat rakyat Malaysia kini telah meningkat hingga 75 tahun. Hakikatnya dalam keadaan sedemikian, sebahagian besar pesara-pesara tersebut tidak mampu menampung kos kehidupan sepanjang hayat selepas persaraan. Lebih kritikal lagi, dalam usia yang semakin meningkat, warga tua adalah lebih terdedah kepada risiko masalah kesihatan. Kos perubatan yang ditanggung ini pastinya meninggikan kos hari tua, sementara wang KWSP yang ada telah habis digunakan.

6. Satu kajian yang lain pula, oleh Citibank, mendapati 66 peratus rakyat Malaysia tidak yakin dengan pelan persaraan mereka, manakala hanya 22 peratus pula mempunyai pelan persaraan. Satu kajian oleh penyelidik pasaran AC Nielsen mendapati hanya 21 peratus rakyat Malaysia mereka bersedia dari segi kewangan persaraan, 42 peratus tidak pasti mereka bersedia untuk persaraan, dan baki 35 peratus berkata, mereka tidak bersedia dari segi kewangan untuk bersara. Maklumat daripada KWSP dan kajian-kajian yang dijalankan ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa kebanyakan rakyat Malaysia tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalani usia persaraan dengan selesa dan tidak yakin dengan pelan persaraan mereka sendiri.

7. Maka di sini, saya melihat PNB bukan sahaja boleh memainkan peranan mendidik masyarakat tentang pelaburan dan kewangan, tetapi PNB juga perlu membantu menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk tujuan persaraan. Setapak lagi, adalah wajar bagi PNB seperti yang saya katakan tadi menawarkan skim-skim pelaburan dalam unit amanah yang lebih menarik, yang bukan sahaja dapat membantu rakyat menampung wang persaraan yang diperolehi daripada KWSP, malah dapat melindungi simpanan atau pelaburan mereka daripada disusut nilai oleh hakisan inflasi.

8. Setelah lebih 30 tahun PNB beroperasi, terbukti bahawa skim unit amanahnya amat popular sekali di kalangan seluruh masyarakat Malaysia sehinggakan produk-produk yang ditawarkan kerap habis dijual dalam masa yang singkat. Ini adalah kerana kualiti asset unit amanah itu sendiri di mana diversifikasi pelaburan dalam pelbagai kelas aset, sektor dan syarikat telah dapat mengurangkan risiko kepada para pelabur individu. Produk-produk unit amanah PNB terdapat ciri-ciri yang tersendiri, yang tidak ditawarkan produk-produk syarikat

unit amanah lain, khususnya dari segi keperluan pelaburan minimum serta kemudahan membuat pelaburan di lebih 1,600 rangkaian ejen. Ianya juga mudah ditunaikan pada bila-bila masa tetapi pada masa yang sama mampu mengagihkan pendapatan yang kompetitif.

9. Di atas pencapaian-pencapaian dan 'track record' PNB yang baik ini, saya yakin, PNB mampu merancang dan menawarkan satu pelan persaraan yang baik, yang boleh menjadi alternatif kepada skim persaraan sedia ada. Jika ini dapat dicapai, sudah pastilah ia dapat memenuhi hasrat dan cita-cita Kerajaan bukan sahaja untuk melahirkan masyarakat yang berpendapatan tinggi, malah mempunyai golongan pesara yang lebih bersedia dari segi kewangan untuk mengharungi hari tua dengan lebih selesa, tenang dan terjamin.

Tuan tuan dan Puan Puan,

10. Instrumen pelaburan unit amanah adalah sesuatu yang asing bagi masyarakat Malaysia tidak berapa lama dahulu. Perkembangan industri unit amanah, sebelum adanya PNB dan ASNB, amatlah perlahan di mana menjelang tahun 1980 hanya terdapat lima syarikat yang menguruskan 21 dana yang berjumlah tidak sampai 100 juta unit. Dengan penubuhan Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) dan PNB pada tahun 1978, dan seterusnya pelancaran dana sulung Skim Amanah Saham Nasional (ASN) pada tahun 1981, industri unit amanah negara telah berkembang dengan amat pesat sekali.

11. Kini, terdapat 40 syarikat pengurusan unit amanah yang mengendalikan hampir 592 dana membabitkan lebih 15.5 juta pemegang akaun. Malah nilai aset bersih industri unit amanah telah mencecah lebih RM267 bilion yang merupakan kira-kira 20 peratus daripada permodalan Bursa Malaysia. Nilai aset bersih PNB sahaja berjumlah 12 peratus daripada modal Bursa Malaysia. Jika dulu, produk unit amanah tertumpu kepada dana ekuiti, sekarang ini industri unit amanah negara telah berjaya mempelbagaikan produk dan menawarkan dana bon, dana aset pelbagai, dana pasaran wang, dana terlindung, dana luar pesisir, dana komoditi, dana syariah dan sebagainya.

12. Perkembangan pesat industri unit amanah negara ini adalah selari dengan peranannya sebagai perantara atau 'conduit' bagi penggabungan dana bagi tujuan pembangunan ekonomi negara.

Tuan tuan dan Puan Puan,

13. Untuk merealisasikan pertumbuhan ekonomi yang mapan bagi tempoh masa yang panjang, negara sudah pastilah memerlukan pelaburan yang lebih besar. Dalam hubungan ini, PNB sebagai sebuah badan yang menggembelng dana daripada orang ramai, mampu memainkan peranan yang lebih berkesan lagi.

14. Saya yakin, penggabungan dana yang lebih besar ini mampu dicapai sekiranya PNB dapat mengekal atau mempertingkatkan prestasi pengagihan pendapatan, mempelbagaikan lagi produk-produk unit amanahnya, memperluaskan saluran pengedaran dan perkhidmatan pelanggan, mempergiatkan aktiviti promosi dan pemasaran serta terus melaksanakan usaha pendidikan pelaburan dan perancangan kewangan seperti Minggu Saham Amanah Malaysia yang dianjurkan di Kota Kinabalu ini.

15. Sekiranya ini dapat dicapai, sudah pastilah ianya memberi manfaat yang besar kepada semua pihak termasuk pasaran saham, industri pengurusan dana dan unit amanah, serta syarikat-syarikat korporat. Jika dana yang digembelng daripada orang ramai ini dapat

digunakan dengan efisien bagi tujuan pembentukan modal dan pelaburan oleh syarikat-syarikat dalam bentuk Direct Domestic Investment, apa yang akan terhasil untuk kebaikan rakyat adalah peluang pekerjaan yang lebih banyak dan pendapatan yang lebih tinggi.

16. Saya percaya, Kerajaan Negeri Sabah di bawah kepimpinan YAB Datuk Seri Panglima Musa bin Haji Aman amat mengalu-alukan kehadiran pelaburan seperti ini, yang sudah pasti akan dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat Sabah.

17. Dalam hubungan ini juga, adalah menjadi harapan saya agar syarikat-syarikat dalam Kumpulan PNB dapat memainkan peranan yang lebih aktif dengan membuat pelaburan tambahan di Sabah ini khususnya dalam sektor-sektor yang telah dikenal pasti oleh Program Transformasi Ekonomi, seperti dalam sektor minyak dan gas, minyak sawit, pelancongan, pertanian serta sektor-sektor lain yang dipelopori oleh Kerajaan Negeri terutamanya di Sabah Development Corridor.

18. Di negeri Sabah sahaja, ada beberapa Projek Permulaan atau Entry Point Projects (EPP) yang telah diumumkan seperti pembinaan Terminal Minyak dan Gas di Komanis yang akan menghasilkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM6.3 billion, Kluster Industri Minyak Sawit di Lahad Datu dan Sandakan dengan PNK RM8.6 billion serta Coastal Tourism Development dengan PNK RM1.7 billion pada 2020 nanti. Secara keseluruhannya, 31 EPP di Sabah yang telah dikenal pasti setakat ini, dijangka akan menghasilkan PNK sebanyak RM33.5 billion serta mencipta peluang pekerjaan sebanyak 143,770 menjelang 2020 kelak. Dalam masa yang sama, sebanyak 92 peratus daripada jumlah RM77.5 billion pelaburan yang diperlukan untuk menjayakan projek ini dijangka datang daripada pihak-pihak swasta seperti PNB dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Saya amat berharap semua pihak yang terlibat, bersama-sama membantu Kerajaan untuk mempergiatkan usaha menarik dan menggembeng dana bagi memanfaatkan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah khususnya dan Malaysia amnya. Di negara maju seperti Amerika Syarikat, industri unit amanah mereka berjaya mencecah 40 hingga 50 peratus pasaran ekuiti negara, berbanding negara kita sekitar 20 peratus. Harapan Kerajaan dengan usaha daripada semua pihak, industri unit amanah dan pelaburan negara ini akan berkembang setara dengan tahap negara-negara maju tidak lama lagi.

20. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada PNB kerana berjaya menganjurkan MSAM buat kali yang ketiga belas. Saya percaya rakyat Malaysia, khususnya di Kota Kinabalu ini, telah memperolehi banyak ilmu pelaburan dan perancangan kewangan, dan pada masa yang sama dapat mengenali dengan lebih dekat lagi syarikat-syarikat pelaburan utama PNB. Adalah menjadi harapan saya agar matlamat PNB untuk menjadikan MSAM sebagai platform Pelaburan Untuk 1Malaysia akan tercapai hendaknya.

21. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini menutup Minggu Saham Amanah Malaysia 2012. Sekian, terima kasih.

Wabillahittaufikwalhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.